

SOALAN NO. 78

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 25 MEI 2016 (RABU)

SOALAN :

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apa yang sudah terjadi dengan projek perintis *Gender Responsive Budget* (GRB) dan bila Kerajaan akan melaksanakan GRB secara menyeluruh.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT, MALAYSIA

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan program perintis *Gender Responsive Budgeting* (GRB) kepada empat (4) buah kementerian iaitu Kementerian Pelajaran (dahulunya Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi sebelum digabungkan pada tahun 2013), Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, semenjak dari tahun 2004. Setiap Kementerian yang terlibat telah menunjukkan perkembangan yang baik dalam menjalankan analisis gender dalam penyediaan bajet dan perancangan walaupun terpaksa melalui beberapa cabaran pada awal pelaksanaan GRB.

KPWKM dengan kerjasama UNDP telah menerbitkan Manual Mengenai Bajet Gender di Malaysia dan sehingga kini kementerian perintis sebagai contoh, Kementerian Sumber Manusia (KSM) menyediakan program khusus untuk wanita bekerja di rumah yang amat responsif gender seperti

Housewives Enhancement and Reactivate Talents Scheme (HEARTS).

Pada masa yang sama, di bawah *National Blue Ocean Strategy (NBOS)*, KSM dengan kerjasama Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan beberapa kementerian lain termasuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menjalankan *1Malaysia Support for Housewives (1MS4HW)* yang turut menggalakkan wanita untuk memasuki atau kembali ke pasaran buruh. Pada masa yang sama KKLW melalui KEMAS terus meluaskan bilangan TABIKA dan TASKA KEMAS bagi memberikan peluang kepada wanita/ ibu terutamanya di kawasan luar bandar untuk melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi.

Praktis dalam pasaran buruh juga telah semakin responsif gender dengan peningkatan cuti bersalin dari 60 hari kepada 90 dalam sektor awam dan beberapa sub-sektor di sektor swasta seperti sektor perbankan. Pihak swasta juga digalakkan untuk menyediakan ruang kerja dan amalan kerja yang lebih mesra keluarga seperti menyediakan waktu kerja anjal, ruang menyusu dan TASKA tempat kerja.

Kementerian Kesihatan pula telah memperkenalkan suntikan *Human Papilloma Virus (HPV)* percuma semenjak tahun 2010 untuk kanak-kanak

perempuan berumur 13 tahun di sekolah dan pelbagai program kesihatan, kesedaran kesihatan, imunisasi dan kesihatan ibu mengandung untuk wanita di Malaysia menerima capaian akses perkhidmatan kesihatan yang baik.

Secara makronya, pendekatan yang diambil oleh projek rintis telah memberikan impak langsung dan tidak langsung kepada pencapaian dalam ukuran jurang gender Malaysia. Jurang gender di Malaysia telah semakin mengecil iaitu 0.2459 pada tahun 2010 dan 0.2017 pada tahun 2014.

Pelaksanaan GRB secara menyeluruh dapat dilaksanakan melalui aspek analisa gender, yang mana terdapat perkembangan positif dari segi pengumpulan *gender disaggregated data* yang disediakan dan diterbitkan di peringkat Kementerian perintis dan agensi-agensi di bawahnya.

Kementerian Kewangan juga melalui Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2017 juga telah mewajibkan setiap Kementerian dan agensi menggunakan analisis gender sebagai satu perspektif dalam analisis keperluan pelanggan. Hal ini kerana analisis

gender mengambil kira impak bajet terhadap kumpulan sasar dengan lebih telus dan menyeluruh (jantina, kanak-kanak lelaki dan wanita, kumpulan umur, pendidikan, pendapatan, bandar dan luar bandar). Penekanan terhadap analisis gender adalah perlu dalam setiap perancangan dan aktiviti.

KPWKM juga sedang dalam usaha memperkasakan *Gender Focal Point* (GFP) di setiap kementerian dan agensi Kerajaan supaya GFP ini dapat berperanan dalam menerapkan dan membudayakan bajet responsif gender (GRB) di peringkat Jabatan masing-masing.